


Penerangan Spesifikasi Logo

Reka cipta logo Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) adalah berasaskan wawasan Jabatan sebagai pusat meteorologi bertaraf dunia yang membekalkan perkhidmatan cemerlang di peringkat nasional dan antarabangsa.

Rasional

Huruf **M** telah dipilih sebagai asas logo secara konseptual yang bermaksud bahawa **M** untuk **M**eteorologi dan **M** juga untuk **M**alaysia.

Ciptaan logo ini diperkayakan lagi dengan kombinasi bentuk abstrak yang lain untuk melambangkan misi dan visi Jabatan yang berwawasan.



Dua jalur arus yang melambangkan huruf **M** di mana jalur pertama yang lebih panjang membawa makna fungsi Jabatan sebagai asas penting. Ia adalah juga untuk mengimbangkan komposisi keseluruhan logo



Dua jalur arus yang mengandungi elemen piksel melambangkan teknologi dan sains moden yang mengarah ke angkasa. Manakala dua jalur arus yang tidak mengandungi elemen piksel pula melambangkan prinsip asas misi JMM yang komited untuk membekalkan pelbagai khidmat meteorology dan seismologi yang berkesan



Perkataan “MET” yang menggunakan gaya tulisan **Helvetica Neue** ini mewujudkan *visual* tajam bersamaan dengan warna oren adalah untuk membawa makna dinamik kepada JMM sebagai sokongan utama kepada wawasan negara

Nama Malaysia yang menggunakan gaya huruf **Helvetica Bold** juga untuk mewakili misi JMM terhadap pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup rakyat